



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


28 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **913 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **81,844 kes**. Sembilan (9) kes kematian dicatatkan pada hari ini iaitu Kota Kinabalu dan Sipitang mencatatkan tiga (3) kes bagi setiap daerah manakala Kudat, Penampang dan Papar masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 527 menjadikan jumlah kumulatif 75,264 orang. Seramai 3,608 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 726 orang di hospital, 2,821 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 61 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 80 orang dan 19 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 25 daerah
- Zon Kuning dua (2) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah adalah amat tinggi pada hari ini iaitu (913) kes dengan peningkatan sebanyak (172) kes berbanding (741) kes yang dicatatkan semalam (27 Julai 2021).
- b. Kota Kinabalu sahaja mencatatkan (234) kes baharu termasuk (27) kes adalah daripada Penjara Kepyayan, diikuti oleh Daerah Penampang dengan (101) kes, Tawau (73) kes, Beaufort (70) kes, Kalabakan (61) kes dan Tuaran (56) kes. Semua daerah di Sabah pada hari ini mencatatkan kes baharu.
- c. Lebih separuh kumulatif kes harian (500) kes atau 54.82% daripada kes hari ini berpunca dari saringan kontak rapat di mana (138) kes daripadanya dikesan di daerah Kota Kinabalu.
- d. Kluster sedia ada pula menambah (162) kes atau 17.8% manakala saringan bergejala merekodkan (121) kes atau 13.25%.
- e. Tiga (3) kluster baharu, semuanya dilaporkan di Keningau iaitu Kluster Bayangan (Kluster Komuniti), Kluster Bariawa Laut (Kluster Komuniti) dan Kluster Menawo Baitah (Kluster Tempat Kerja).
- f. Sejumlah 77.9% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (321) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (389) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (500) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 HARI INI**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	189	20.72%
2	Bergejala	121	13.25%
3	Kontak Rapat	500	54.82%
4	Bersasar	46	5.04%
5	Lain-lain	57	6.24%
JUMLAH		913	100%

- b. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/07/2021	Catatan Kes 28/07/2021	Bilangan Peningkatan Kes
1	Kota Kinabalu	149	234	+85
2	Kalabakan	4	61	+57
3	Penampang	49	101	+52
4	Putatan	17	44	+27
5	Beaufort	60	70	+10
6	Ranau	23	32	+9
7	Keningau	33	42	+9
8	Sandakan	23	31	+8
9	Tenom	8	13	+5
10	Semporna	4	8	+4
11	Pitas	0	4	+4
12	Papar	34	38	+4
13	Kunak	2	5	+3
14	Kota Belud	3	5	+2
15	Kota Marudu	8	9	+1
16	Nabawan	0	1	+1
JUMLAH		417	697	+281

- c. Daerah yang kekal catatan kes baharu sebagaimana semalam adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil	Daerah	Catatan Kes 27/7/2021	Catatan Kes 28/7/2021	Bilangan Kes
1	Telupid	5	5	5
JUMLAH		5	5	5

- d. Daerah yang mencatatkan penurunan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/07/2021	Catatan Kes 28/07/2021	Bilangan Penurunan Kes
1	Kudat	42	8	-34
2	Tuaran	77	56	-21
3	Tongod	20	2	-18
4	Tawau	87	73	-14
5	Sipitang	33	26	-7
6	Kinabatangan	37	33	-4
7	Beluran	5	2	-3
8	Lahad Datu	7	4	-3
9	Tambunan	8	5	-3
10	Kuala Penyu	3	1	-2
JUMLAH		319	210	-109

- e. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Tiada daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

f. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan	
Kota Kinabalu	30	138	26	27	13	234
Penampang	4	75	10	0	12	101
Tawau	4	42	19	0	8	73
Beaufort	0	56	12	0	2	70
Kalabakan	54	6	0	1	0	61
Tuaran	3	42	11	0	0	56
Putatan	0	14	12	18	0	44
Keningau	35	1	3	0	3	42
Papar	14	15	5	0	4	38
Kinabatangan	31	1	0	0	1	33
Ranau	5	26	1	0	0	32
Sandakan	3	15	10	0	3	31
Sipitang	4	19	3	0	0	26
Tenom	0	11	1	0	1	13
Kota Marudu	0	7	2	0	0	9
Kudat	0	5	1	0	2	8
Semporna	0	2	1	0	5	8
Tambunan	0	5	0	0	0	5
Telupid	0	4	0	0	1	5
Kota Belud	2	3	0	0	0	5
Kunak	0	2	3	0	0	5
Lahad Datu	0	2	1	0	1	4
Pitas	0	4	0	0	0	4
Tongod	0	2	0	0	0	2
Beluran	0	1	0	0	1	2
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1
Nabawan	0	1	0	0	0	1
JUMLAH	189	500	121	46	57	913

g. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Gipan Kolombong	2
	Kluster Jalan Mat Salleh	1
	Kluster Tembok Kota Kinabalu	27
	Kluster Bariawa Laut	5
Keningau	Kluster Bayangan	7
	Kluster Menawo Baitah	15
	Kluster Jambatan Liawan	1
	Kluster Kayu Patikang	7
	Kluster Jalan Penampang	4
Penampang	Kluster Jalan Penampang	4
Tuaran	Kluster Jalan Mat Salleh	3
Papar	Kluster Industri Kolombong	1
	Kluster Jalan Mat Salleh	13
Kota Belud	Kluster Siasai Dundau	2
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	4
Ranau	Kluster Jalan Mat Salleh	3
	Kluster Pekan Ranau	2
Sandakan	Kluster Batu 3 Utara	3
Tawau	Kluster Tembok Tawau Dua	4
Kinabatangan	Kluster Bukit Mas	31
Kalabakan	Kluster Agathis	54
JUMLAH		189

6 Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Bayangan - Keningau** melibatkan penularan COVID-19 dalam komuniti di Mukim Bingkor dan Luagan yang disyaki berpunca daripada perkumpulan keluarga dari luar daerah. Kes indeks merupakan lelaki, 38, dikesan melalui saringan bergejala di Hospital Keningau dengan keputusan ujian RTK-Ag positif grading 20% pada 25 Julai 2021. Saringan kontak rapat bagi tempoh 25 hingga 27 Julai 2021 menunjukkan pertambahan bilangan kes positif dalam kalangan ahli keluarga dan kontak rapat kes indeks. Setakat hari ini, kluster ini merekodkan jumlah kumulatif 21 kes positif termasuk tujuh (7) kes baharu.
- ii **Kluster Bariawa Laut - Keningau** mula dikesan apabila kes indeks, wanita, 36, disahkan positif COVID-19 (RTK-Ag grading 100%) melalui saringan bergejala pada 25 Julai 2021. Saringan kontak mengesan 13 kes termasuk lima (5) kes baharu melibatkan kontak rapat dan kontak sosial daripada Mukim Patikang dan Kali di Daerah Keningau. Punca yang disyaki bagi penularan Kluster Bariawa Laut adalah perkumpulan keluarga.
- iii **Kluster Menawo Baitah - Keningau** dikategorikan sebagai kluster komuniti dan tempat kerja. Kluster ini juga menular di Mukim Seberang, Lingku dau dan Luagan di Daerah Keningau serta Daerah Tambunan yang disyaki berpunca daripada pergaulan sesama keluarga yang akhirnya tersebar kepada rakan-rakan. Kes indeks merupakan lelaki, 27, dikesan positif COVID-19 (RTK-Ag grading 100%) hasil saringan tempat kerja di sebuah klinik swasta di Keningau pada 26 Julai 2021. Saringan kontak mendapati pertambahan bilangan kes positif dalam kalangan ahli keluarga dan kontak rapat di tempat kerja. Setakat hari ini, jumlah kumulatif kes positif kluster ini ialah sebanyak 16 kes termasuk 15 kes baharu.

7 Jumlah kapasiti katil 6,562 unit

- Hospital 871 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,811 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,880 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 54.98%.

B BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 28 Julai 2021)
1	Kota Kinabalu	25
2	Sipitang	16
3	Beaufort	9
4	Tawau	8
5	Keningau	7
6	Kudat	7
7	Sandakan	6
8	Papar	4
9	Penampang	4
10	Kota Belud	2
11	Lahad Datu	2
12	Tuaran	2
13	Beluran	1
14	Kinabatangan	1
15	Kota Marudu	1
16	Kuala Penyu	1
17	Kunak	1
18	Pitas	1
19	Putatan	1
20	Tongod	1
JUMLAH		100

C PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan DILAKSANAKAN di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	11 Lokaliti di Tuaran, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Betutai• Kampung Bolong Baru• Kampung Bontoi• Kampung Kindu• Kampung Lapasan• Kampung Serusop• Kampung Sungai Damit• Kampung Timbok• Kampung Simpangan• Taman Sri Rugading• Taman Telipok Ria	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
2.	Empat (4) Lokaliti di Sandakan, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Flat LPPB Sri Taman• Lorong 1 - 8, Taman Kenari• Taman Mawar• Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
3.	Tiga (3) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Apartment Taman Suria• Kampung Mangkadatan Notoruss• Taman Penampang Fasa 2	30 Julai 2021	12 Ogos 2021

4.	Tiga (3) Lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Lahat-Lahat, Pulau Sebatik • Taman Perwira Runggu • Blok 5 Kampung Titingan 	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
5.	Dua (2) Lokaliti di Kinabatangan, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Ladang Bukit Mas • Ladang Linbar 1 	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
6.	Dua (2) Lokaliti di Tenom, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Mamaitom • SKIM Kuala Tomani 	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
7.	Dua (2) Lokaliti di Putatan, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Meruntum Fasa 3 • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Keramat 	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
8.	Kampung Talantang 1, Kota Marudu, Sabah	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
9.	Country Heights Fasa 2 dan Fasa 3 (termasuk bangunan kedai), Penampang, Sabah	30 Julai 2021	11 Ogos 2021
10.	Kampung Ayer, Kudat, Sabah	30 Julai 2021	12 Ogos 2021
11.	Kampung Pengalat Besar, Papar, Sabah	30 Julai 2021	12 Ogos 2021

D PELANJUTAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan DILANJUTKAN di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Blok Angsana & Blok Sumboi-sumboi, Kg Seberang Benoni, Papar, Sabah	29 Julai 2021	Dilanjutkan dari 30 Julai 2021 sehingga 12 Ogos 2021

E PENAMATAN PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Lubak, Beaufort, Sabah	16 Julai 2021	Ditamatkan pada 28 Julai 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan (29 Julai 2021)
2.	Blok 2, Blok 6 & Blok 9, PPR Taman Mesra, Sandakan, Sabah	16 Julai 2021	Ditamatkan pada 29 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Melamam, Sipitang, Sabah	16 Julai 2021	Ditamatkan pada 29 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah	16 Julai 2021	Ditamatkan pada 29 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **496** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 67,133 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **30,506** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 655,283 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **2,131** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 325,930 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 18,974 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,117,810 (Mysejahtera 1,033,052: Laman Web 84,504: Talian Vaksinasi 254) bersamaan 40.5.%

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **361,252** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 135 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 43,218 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 178 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 56 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - 15 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Sembilan (9) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 11 Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
 - Empat (4) Orang : Keluar Masuk Kawasan PKPD
 - Empat (4) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
 - Satu (1) Orang : Premis Beroperasi Lebih Masa/Tanpa Kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 89 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,103 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan di Semporna atas kesalahan tidak memakai pelitup muka dengan betul.
 - iii Sebanyak tujuh (7) notis/amaran telah dikeluarkan di Keningau.
 - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 95 premis perniagaan dan 79 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun dikenakan atas enam (6) orang di Infinity Waterfront dan empat (4) orang di Mynt Club Waterfront kerana tiada penjarakan sosial. Selain itu, Satu (1) kompaun dikenakan atas premis kerana beroperasi lebih masa / tanpa kebenaran di Mynt Club Waterfront, Kota Kinabalu.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 344 Premis Perniagaan melibatkan 211 anggota APM. Sebanyak 26 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 110 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 25 premis, melibatkan 12 buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 188 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 244 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Kota Kinabalu	96.5%
3	Sandakan	96.5%
4	Kinabatangan	95.5%
5	Papar	96.5%
6	Beluran	96.5%
7	Kota Marudu	96.5%
8	Kota Belud	96.5%
9	Tenom	96%
10	Lahad Datu	95%
11	Penampang	95%
12	Tawau	95%
13	Beaufort	95%
14	Kunak	95%
15	Sipitang	94.5%
16	Keningau	94.5%
17	Tuaran	94.5%
18	Kudat	94.5%
19	Ranau	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**